

# **KUTKM DAN LIMA SYARIKAT JALIN HUBUNGAN DALAM BIDANG INDUSTRI**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 18/02/2004 | Author: / SBS MOZ**

MELAKA, 18 Feb (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) bakal menjalinkan kerjasama dengan lima buah syarikat tempatan untuk pertukaran kemahiran dan menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan kualiti dan daya saing institusi pengajian berkenaan.

Pengerusi KUTKM, Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata ini merupakan kali pertama KUTKM menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan lima syarikat serentak yang menunjukkan kesungguhan IPT berkenaan melalui pendekatannya yang berorientasikan aplikasi dan amalan kepada pelajar dan kakitangannya.

"Melalui perjanjian ini, syarikat berkenaan juga boleh menjalankan penyelidikan dengan menggunakan kepakaran dan kemudahan yang ada di KUTKM," katanya kepada pemberita selepas majlis MoU itu di Seri Negeri, di sini hari ini.

Majlis menandatangani MoU berkenaan disaksikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Lima syarikat terbabit ialah DRB-Hicom Berhad, Composite Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn Bhd, Robomatics (Melaka) Sdn Bhd, MRJ Technologies Sdn Bhd dan KRU Berhad.

Rektor KUTKM Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani menandatangani MoU itu bagi pihak KUTKM, DRB-Hicom pula diwakili oleh Pengarah Kumpulan Kanannya Datuk Mohd Nor Mohamad, CTRM diwakili Ketua Pegawai Operasinya Francis Hiew Nyuk Fah, Robomatics pula diwakili oleh Pengerusinya Peter Tseng Chow Ming dan KRU Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Norman Abdul Halim.

Saleh berkata MoU itu melibatkan kerjasama dengan fakulti-fakulti kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan pembuatan, kejuruteraan elektrik serta fakulti teknologi maklumat dan komunikasi.

Beliau berkata seramai 400 pelajar akan menjadi kumpulan pertama daripada KUTKM untuk menjalankan latihan amali di syarikat-syarikat berkenaan berkaitan bidang yang dipelajarinya.

Katanya, selain MoU itu, KUTKM sebelum ini telah menandatangani perjanjian dengan dua buah universiti iaitu Coventry University, United Kingdom dan Technical University Berlin di Jerman.

"Melalui program seumpama ini, KUTKN komited untuk mengeluarkan graduan-graduan yang berupaya untuk memenuhi keperluan majikan-majikan di sektor awam dan swasta dengan kepakaran-kepakaran yang mereka miliki," katanya.

Mengenai pembinaan kampus tetap KUTKM di Durian Tunggal, Alor Gajah, beliau berkata fasa pertamanya dijangka dapat digunakan pada November ini dengan dua buah fakulti dibuka melibatkan seramai 1,200 pelajar.

Menjelang tahun 2010, KUTKM akan mampu menampung seramai 15,000 pelajar di kampus tetap itu, katanya.

-- BERNAMA

SBS MOZ